

# 2,600 atlet dari 21 universiti sertai Sukum 2018

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

**TEMASYA** Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (Sukum) edisi ke-43 akan membuka tirai secara rasmi di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang, Kuantan malam ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, seramai 2,600 atlet dari 21 universiti bakal memerlukan temasya tersebut sehingga 18 Ogos ini.

Beliau menambah, sebanyak 18 jenis sukan akan dipertandingkan dalam temasya tersebut yang menawarkan lebih 300 butir pingat untuk dimenangi.

"Selaku tuan rumah untuk edisi kali ini, UMP telah bersedia menerima kedatangan semua atlet dan pegawai daripada 21 kontinjen yang akan berkampung di UMP sehingga 18 Ogos nanti.

"Selain persiapan atlet serta pegawai kontinjen, UMP juga sudah bersedia dari segi perancangan dan pengurusan acara di setiap venue yang terlibat.



**YUSERRIE** (lima dari kanan) dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim (tiga dari kiri) ketika melancarkan maskot anak gajah, Elly sempena penganjuran Sukum 2018 baru-baru ini.

"Kami berharap, Sukum 2018 di UMP akan menjadi medan persaingan yang hebat atas se-mangat perpaduan dan kesukanan dalam kalangan warga universiti," ujar beliau menerusi kenyataan kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau memberitahu, temasya

Sukum 2018 mempertandingkan acara sukan seperti futsal, basikal, olahraga, badminton, sepak takraw, catur, tenis, ping pong dan boling padang.

Turut dipertandingkan ialah acara memanah, petanque, boling, golf, bola sepak, bola tumpar, bola jaring dan memancing.

Semua acara tersebut akan diadakan di venue-venue yang telah ditetapkan di sekitar Kompleks Sukan UMP di Kampus Gambang dan Kampus Pekan.

Venue lain yang turut akan digunakan ialah Kompleks Sukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus

Kosmo  
11 OGOS 2018 (SABTU)  
M/S : 59

Kuantan serta Stadium Sekolah Sukan Malaysia Pahang di Gambang.

Penganjuran turut menggunakan venue di luar kawasan universiti termasuk Gelanggang Tenis Taman Gelora, Gelanggang Lawn Bowl Indera Mahkota, Kompleks Sukan Pahang, Kelab Golf Diraja Pekan serta Mega Lanes Berjaya Megamall.

"Bagi pihak kontinjen tuan rumah, semua atlet UMP telah bersedia dari segi fizikal dan mental untuk beraksi di tempat sendiri.

"Pada temasya ini, kami menyasarkan untuk mengutip lebih banyak pingat emas selain menjadi antara pasukan terbaik dalam penganjuran kali ini," tambah beliau.

Selain itu, beliau turut mengharapkan setiap pasukan dalam kontinjen tuan rumah dapat memberi saingan terbaik untuk meraih pingat buat UMP.

Acara perasmian penutup temasya akan diadakan di Dewan Astaka UMP pada 18 Ogos nanti.